



SIARAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

PELANJUTAN HAD USIA PENGGUNAAN KENDERAAN PERKHIDMATAN AWAM SECARA AUTOMATIK SELAMA SETAHUN UNTUK BANTU PULIHKAN SEKTOR PENGANGKUTAN AWAM

1. Demi membantu pemain-pemain industri pengangkutan awam khususnya pemilik teksi, bas sekolah dan bas persiaran dalam mengharungi waktu sukar akibat pandemik COVID-19, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) akan memberi pelanjutan selama satu (1) tahun secara automatik kepada mana-mana kenderaan perkhidmatan awam yang telah mencapai had usia maksima penggunaan seperti ditetapkan di dalam syarat lesen/permit kenderaan termasuk yang telah mendapat lanjutan dalam tahun 2020 sebelum ini.
2. Mana-mana kenderaan perkhidmatan awam yang telah mencapai had usia maksima penggunaan kenderaan untuk tempoh bermula 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021 akan diberi pelanjutan secara automatik untuk satu (1) tahun lagi. Pelanjutan ini adalah tertakluk kepada kenderaan terlibat menjalani dan lulus pemeriksaan kenderaan di PUSPAKOM bagi memastikan tahap keselamatan dan kelayakan berada di atas jalan (*roadworthiness*).
3. Pelanjutan ini akan melibatkan semua kelas kenderaan perkhidmatan di bawah skop tanggungjawab Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) serta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah dan LPKP Sarawak. Keputusan MOT berkaitan pelanjutan had usia bas pelancongan/persiaran juga telah turut diselaraskan dengan aspek pelesenan syarikat/agensi/operator pelancongan dan pelesenan bas pelancongan/persiaran (di Sabah, Sarawak, dan WP Labuan) yang berada di bawah skop kuasa Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC).
4. Keputusan ini diambil susulan sesi perbincangan serta libat urus di antara Kementerian Pengangkutan bersama persatuan dan pengendali termasuklah Persekutuan Persatuan-persatuan Bas Sekolah Malaysia, Pan Malaysia Bus Operators Association (PMBOA), Persatuan Pengusaha Bas Persiaran Semenanjung Malaysia (PPBPSM), Gabungan Teksi Semenanjung Malaysia (GTSM), Koperasi Melayu Teksi Pulau Pinang, Persatuan Teksi India Wilayah Persekutuan dan Persatuan Kereta Sewa Hulu Selangor.



5. MOT sentiasa mendengar dan prihatin terhadap segala rintihan para pemain industri yang terjejas akibat COVID-19, tambahan lagi perkhidmatan pengangkutan awam merupakan mod pengangkutan yang dekat dihati masyarakat. MOT memahami situasi yang terpaksa dihadapi oleh pemain industri apabila tidak berupaya untuk menggantikan kenderaan mereka pada waktu sukar ini. Diharapkan dengan pelanjutan had usia penggantian kenderaan selama setahun secara automatik ini dapat memberi kelegaan kepada industri pengangkutan awam seterusnya kembali pulih serta terus berdaya saing untuk tempoh panjang demi manfaat rakyat serta negara secara keseluruhannya.

AUTOMATIC ONE-YEAR EXTENSION OF VEHICLE AGE LIMIT FOR PUBLIC SERVICE VEHICLES TO AID THE PUBLIC TRANSPORT SECTOR

1. As a way to assist the public transport industry, particularly those operating or driving taxis, school buses, and tour buses, to weather the difficulties caused by the COVID-19 pandemic, the Ministry of Transport will grant an automatic extension of one (1) year to any public transport vehicles that have or will reach their maximum vehicle age limit as stipulated in their respective permits/licenses including those that had been granted a prior extension in 2020.

2. Any public service vehicle that has or will reach its respective permitted age limit between 1st January and 31st December 2021 will be granted an automatic one-year extension for the vehicle's licensing purposes. However, this extension is only eligible for vehicles that have undergone and passed the PUSPAKOM vehicles inspection process to ensure their roadworthiness and safe operation.

3. All public service vehicles classes under the purview of the Land Public Transport Agency (APAD), and the respective Commercial Vehicle Licensing Boards of Sabah and Sarawak are eligible for this extension. MOT's decision regarding this extension for tour/excursion buses has also been made in coordination with tour operator licensing and tour/excursion bus licensing (in Sabah, Sarawak, and Labuan) requirements under the purview of the Ministry of Tourism, Arts, and Culture (MOTAC).



4. This decision was made following consultations and engagements between the Ministry and the industry's representatives and associations. They include the Federation of School Bus Associations Malaysia, Pan Malaysia Bus Operators Association (PMBOA), Persatuan Pengusaha Bas Persiaran Semenanjung Malaysia (PPBPSM), Gabungan Teksi Semenanjung Malaysia (GTSM), Koperasi Melayu Teksi Pulau Pinang, Persatuan Teksi India Wilayah Persekutuan, and Persatuan Kereta Sewa Hulu Selangor.

5. The Ministry remains committed to the feedback from transport industry players who are affected by the pandemic as public transport remains an essential mode of transport for many people. The decision to grant this extension was made with the understanding that many drivers and operators will face great difficulty in replacing their vehicles during this challenging time. We hope that this automatic extension of the vehicle age limit for one year will bring some relief to the industry as companies focus on recovering to become competitive again to serve the public.

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA
12 JULAI 2021

-TAMAT-

Pertanyaan Media:

Kementerian Pengangkutan Malaysia

Hotline 1800-88-7723
Faks +603 8892 0208
E-mel aduan@mot.gov.my